



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### **JKM BERSEDIA MENGAMBIL PENJAGAAN MANGSA ROGOL JIKA TIADA PENJAGA SESUAI**

Saya merujuk kepada laporan media mengenai seorang peniaga nasi lemak yang telah dituduh merogol anak perempuan kepada teman wanitanya yang masih di bawah umur. Kes seumpama ini amat membimbangkan dan tidak boleh dikompromi dalam mana-mana masyarakat yang menghargai keselamatan serta maruah kanak-kanak.

Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin menegaskan bahawa perlindungan kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama yang mesti diberi perhatian serius. Sekiranya tiada ahli keluarga yang sesuai atau berkeupayaan untuk menjaga mangsa, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersedia mengambil alih tanggungjawab penjagaan sementara bagi memastikan kebajikan dan keselamatan beliau terjamin.

Selain perlindungan fizikal, mangsa juga berhak menerima sokongan psikososial yang sewajarnya bagi membantu proses pemulihan emosi dan mental.

Saya ingin mengajak masyarakat untuk terus peka terhadap isu penderaan kanak-kanak dan tidak berdiam diri apabila berlaku kejadian sedemikian. Sebarang maklumat berkaitan penderaan atau pengabaian boleh dilaporkan kepada Talian Kasih 15999 atau mana-mana pejabat JKM berhampiran.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan terus memperkukuh langkah-langkah pencegahan, pemulihan dan perlindungan demi kesejahteraan kanak-kanak di negara ini.

**DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**  
**4 Julai 2025**